

Perkara  
**IX**

PEMBANGUNAN KAMPUS

## Kampus Tetap

Pembangunan Kampus Tetap bermula di dalam Rancangan Malaysia Ke-8 lagi di mana dalam tempoh RMK-8, proses pengambilan tanah melibatkan pelbagai pihak seperti FELCRA, FELDA dan juga tanah milik MBI berjaya diselesaikan.

Pembangunan fizikal hanya bermula di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010) di mana beberapa buah Pusat Pengajian dan bangunan sokongan berjaya dibangunkan berperingkat-peringkat secara berpakej.

UniMAP kini memiliki 2 kawasan tapak Kampus Tetap iaitu Kampus Ulu Pauh dengan keluasan 1028 ekar dan Kampus Sungai Chuchuh dengan keluasan tapak seluas 253 ekar.




Pelan Induk Kampus Tetap Ulu Pauh

## Rancangan Projek Pembangunan Tahun 2010

Tahun 2010 merupakan tahun akhir Rancangan Malaysia Ke-9. Projek-projek yang dilancar di dalam RMK 9 tetapi dijangka siap pada tahun 2011 seperti Projek Pakej 3, Projek Pakej 4 dan Projek Asrama PFI I merupakan projek sambungan di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 nanti.

Dalam RMK 9, UniMAP telah merancang untuk melaksanakan 16 projek dengan siling peruntukan sebanyak RM 322 Juta. Sebanyak 16 projek dilaksanakan di bawah peruntukan pembangunan (DE) sementara sebanyak 1 projek dilaksanakan di bawah peruntukan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) iaitu pembinaan asrama untuk 1000 pelajar. Pecahan projek mengikut kategori fizikal dan bukan fizikal adalah seperti Jadual 1.



Jadual 1 : Pecahan Projek Mengikut Projek Fizikal dan Projek Bukan Fizikal

Daripada 17 projek yang dilaksanakan itu, 14 projek merupakan projek fizikal dan 3 projek bukan fizikal.

Projek Fizikal dan Projek Bukan Fizikal adalah seperti jadual berikut :-

Bil.	Projek Fizikal	Projek Bukan Fizikal
1.	PPK Mekatronik	Pengambilan Tanah
2.	PPK Pembuatan	Pembelian Peralatan Makmal
3.	PPK Mikroelektronik	Kerja-Kerja Tanah & Infra
4.	PPK Bahan	
5.	Perpustakaan	
6.	Pusat Kejuruteraan	
7.	Jabatan Canselor	
8.	Pusat Islam	
9.	Jabatan HEPA	
10.	Jabatan Pembangunan	
11.	Kompleks Dewan Kuliah	
12.	Dewan Serbaguna	
13.	Gelanggang Sukan	
14.	Asrama PFI 1	

Jadual 2 : Senarai Projek Fizikal Dan Projek Bukan Fizikal

## Prestasi Pelaksanaan Projek Mengikut Agensi Pelaksana

Pada keseluruhannya, projek-projek pembangunan RMK 9 dilaksanakan oleh 2 agensi iaitu UniMAP sendiri melalui Unit Pengurusan Projek, Jabatan Pembangunan dan Cawangan Pengajian Tinggi (CPT), Jabatan Kerja Raya (JKR). Pecahan pelaksanaan projek mengikut agensi pelaksana adalah seperti Jadual 3.

Agensi Pelaksana	Bil. Projek	% Mengikut Projek	Nilai (RM/Juta)
Jabatan Pembangunan UniMAP	14	82	457
JKR	3	18	182

Jadual 3 : Pecahan Pelaksanaan Projek Mengikut Agensi Pelaksana



## Prestasi Fizikal Projek RMK 9

Secara keseluruhannya, UniMAP melaksanakan 17 projek di mana 5 projek telah berjaya disiapkan, manakala 6 projek sedang dalam peringkat pembinaan. Sebanyak 6 projek telah ditangguhkan dan akan dibawa ke dalam RMK 10 disebabkan kekangan peruntukan kewangan.

Prestasi pelaksanaan projek-projek RMK 9 yang diuruskan Jabatan Pembangunan pada keseluruhannya adalah memberangsangkan dan Jabatan Pembangunan sentiasa memantau bagi memastikan projek-projek dalam pembinaan siap mengikut jadual. Maklumat terperinci prestasi pelaksanaan projek-projek RMK 9 adalah seperti Jadual 4.

Bil.	Status Pelaksanaan	Bil. Projek	Peratus (%)
1.	Siap Senarai Projek : 1.Pengambilan Tanah 2.Pembelian Peralatan Makmal 3.Kerja-Kerja Tanah 4.PPK Pembuatan 5.PPK Mekatronik	5	30
2.	Bina / Dalam Pelaksanaan Senarai Projek : 1.PPK Mikroelektronik 2.Pusat Kejuruteraan 3.Perpustakaan 4.Dewan Kuliah 5.Kompleks Sukan 6.Asrama PFI 1	6	35
3.	Tender / Runding Harga	0	0
4.	Rekabentuk	0	0
5.	Tangguh Senarai Projek : 1.Jabatan Canselori 2.PPK Bahan 3.Pusat Islam 4.Jabatan HEP 5.Dewan Serbaguna 6.Jabatan Pembangunan	6	35
<b>Jumlah</b>		<b>17</b>	<b>100</b>


Jadual 4 : Prestasi Keseluruhan Projek-Projek Pembangunan RMK 9 (Fizikal dan Bukan Fizikal)

## Prestasi Kewangan Projek RMK 9

Pada asalnya UniMAP menerima peruntukan RMK 9 sebanyak RM 339 juta. Semasa kajian separuh penggal, UniMAP memperolehi peruntukan tambahan untuk kerja-kerja pemasangan paip air secara terus dari loji air JKR dan pelarasan harga kontrak (VOP) ekoran kenaikan harga bahan-bahan binaan pada tahun 2008 menjadikan peruntukan RMK 9 berjumlah RM 351 juta.

Walaubagaimanapun, peruntukan RMK 9 ini telah dikurangkan kepada RM 322 juta pada tahun 2010. Sehingga Disember 2010, sebanyak RM 317.6 juta telah dibelanja daripada RM 322 juta yang diperuntukkan. Baki yang belum dibelanja ialah sebanyak RM 4.4 juta.

Secara keseluruhan, UniMAP telah membelanja sebanyak 98.6% daripada peruntukan RMK 9. Prestasi perbelanjaan tahunan RMK 9 (DE) adalah seperti Jadual 5 dan Graf 1 di bawah:-



Jadual 5 : Prestasi Perbelanjaan Tahunan RMK 9 (DE)



Graf 1 : Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan RMK 9 (DE)

Prestasi perbelanjaan bulanan pada tahun 2010 ditunjukkan dalam Jadual 6 di bawah:-



Jadual 6 : Prestasi Perbelanjaan Tahun 2010 (DE)

### Prestasi Pembangunan Tahun 2010

Semua projek pembangunan RMK 9 telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2009. Projek Pakej 2 yang bermula pada Februari 2007 telah siap sepenuhnya pada Ogos 2009. Projek ini yang terdiri daripada PPK Mekantronik dan PPK Pembuatan telah menerima kemasukan pelajar buat julung kali di Kampus Tetap Ulu Pauh pada 28 Disember 2009 setelah mula beroperasi pada 2 November 2009 yang lalu.



Gambar 1 : PPK Pembuatan



Gambar 2 : PPK Mekantronik

Projek Pakej 4 yang terdiri daripada bangunan PPK Mikroelektronik dan Pusat Kejuruteraan telah dimulakan pada Februari 2009. Projek yang menelan belanja sebanyak RM 136 Juta ini dibangunkan mengikut fasa di mana fasa 1 melibatkan sebahagian bangunan PPK Mikroelektronik dan kerja-kerja cerucuk untuk Pusat Kejuruteraan. Pembinaan Fasa 2 yang melibatkan pembinaan keseluruhan PPK Mikroelektronik dan Pusat Kejuruteraan telah mula dilaksanakan pada Februari 2010 dan dijangka siap pada Ogos 2011. Projek ini diurus selia oleh Cawangan Pengajian Tinggi, Jabatan Kerja Raya (JKR) yang bertindak selaku PMC. Sehingga Disember 2010, Projek Pakej 4 telah pun siap 60% dan sebanyak RM 71 Juta telah dibelanjakan.



Gambar 3 : Ilustrasi PPK Mikroelektronik



Gambar 4 : PPK Mikroelektronik ( 75% siap )



Gambar 5 : Ilustrasi Pusat Kejuruteraan



Gambar 6 : Pusat Kejuruteraan ( 50 % siap )

Projek Pakej 3B terdiri daripada bangunan Perpustakaan, Kompleks Dewan Kuliah dan Kompleks Sukan. Projek yang menelan belanja sebanyak RM 92 Juta ini mula dilaksanakan pada September 2009 dan dijangka siap pada Mac 2011. Sehingga Disember 2010, kerja-kerja binaan sedang giat dijalankan di tapak dengan kemajuan kerja sebanyak 65%.



Gambar 9 : Ilustrasi Kompleks Sukan



Gambar 7 : Ilustrasi Bangunan Perpustakaan



Gambar 10 : Kompleks Sukan ( 65% Siap )



Gambar 8 : Bangunan Perpustakaan ( 65 % Siap )



Gambar 11 : Ilustrasi Kompleks Dewan Kuliah



Gambar 12 : Kompleks Dewan Kuliah ( 65% Siap)

Dalam pada itu, UniMAP turut memperolehi peruntukan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) sebanyak RM 32 Juta melalui Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Melalui pembiayaan ini, Kolej Kediaman yang berupaya menempatkan 1000 pelajar sedang dibangunkan di Zon Selatan Kampus Tetap Ulu Pauh.

Proses pelantikan perunding dan peringkat tender telah diselesaikan dalam tahun 2009. Pembinaan Kolej Kediaman ini telah bermula pada Mac 2010 dan dijangka siap pada September 2011. Sehingga Disember 2010, projek ini telah 16% siap dan sebanyak RM 4 Juta telah dibelanjakan.



Gambar 14 : Kolej Kediaman ( 16% Siap)

Selain daripada itu, Jabatan Pembangunan juga membangunkan bangunan sokongan seperti Pusat Pelajar bagi memenuhi keperluan para pelajar yang memulakan sesi pengajian di PPK Pembuatan dan PPK Mekatronik. Projek yang menelan belanja sebanyak RM 2 Juta ini terdiri daripada ruang rehat pelajar dengan kapasiti 300 orang dan turut menempatkan surau dan juga kafeteria. Projek ini telah siap sepenuhnya pada April 2010 mula beroperasi pada Jun 2010.



Gambar 15 : Pusat Pelajar (100% siap)




Gambar 13 : Ilustrasi Kolej Kediaman

Dalam masa sama, sebuah Pintu Gerbang berkonsepkan dedaun (Alam) dan digabungjalinkan dengan elemen futuristik turut dibina di jalan masuk utama bagi mengindahkan lagi prasarana Kampus Tetap. Unit Pengurusan Projek sedang merancang beberapa projek bagi menonjol imej Pintu Gerbang ini sebagai mercu tanda ke Kampus Ulu Pauh dengan merancang pembinaan Pintu Pagar dan kerja-kerja landskap pada tahun 2011 nanti.



Gambar 16 : Pintu Gerbang.

Selain daripada itu, pembinaan Arca turut dirancang bagi melengkapkan lanskap sedia ada. Gabungan lanskap dan Arca berupaya menghadirkan elemen dan suasana pembelajaran yang kondusif serta membantu menjana pemikiran kreatif di kalangan warga UniMAP.



Gambar 17 : Ilustrasi Cadangan Pembinaan Arca.

Secara keseluruhan, segala projek-projek yang dirancang pada tahun 2010 berjaya dilaksanakan dengan jaya selaras dengan perancangan Universiti.







# KAMPUS TERAGIH UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

KAMPUS SG. CHUCHUH



Unit Pembangunan Agroteknologi, Makmal, Dewan Kuliah & Kawasan Tanaman Untuk Stesen Agroteknologi



Kubang Gajah - Pusat ICT



Pusat Sukan

PALAPES



Depot Bas

Blilik Kulliah



Rumah Universiti (Unit Komunikasi Korporat, Galeri UniMAP)

Dewan Serbaguna



Taman Haz Melati (PPK Bioproses)



Taman Aman Kolej Kediaman A (KKA)



Kompleks Makmal Kejuruteraan



Kompleks Pusat Pengajian Kejuruteraan Jejawi 3 (PPK Alam Sekitar & PPK Bioproses)



Kompleks Pusat Pengajian Kejuruteraan Jejawi 1 (PPK Mikroelektronik, PKKK & PPIPT)



Wang Ulu (KKG, KKH & Student Mall)



Taman Seberang Jaya (KKB, KKC, KKD, Dewan Serbaguna, Pusat Kesihatan & Student Mall)



Taman Seberang Ramai (KKF, PPK Sistem Elektrik, PPK Komputer & Perhubungan, Pej. Pengetua Kolej Kediaman, Dewan Dan Blilik Kulliah Serta Makmal)



Taman Semarak KKB





Jalan Sarawak (IMK & JHEPA, Dewan, Bilik Kuliah & Makmal)



Taman Semarak (Unit Penyelaras Program Diploma, Dewan, Bilik Kuliah & Makmal)



Taman Kechor Indah (PHEA, UPP, UPL, PKI, Bilik Senat dan Bilik Seminar)




Kompleks PPK Jejaw 4, (Pusat Ko-Kurikulum, Unit Enterpris Kecil Sederhana)

Kompleks Pusat Pengajian Kejuruteraan Jejaw 2 (PPK Mekanik & PPK Bahan)



Kampus Tetap (PPK Pembuatan & PPK Mekanik)



Taman Kuala Perlis (Bilik Pensyarah)



Kompleks Pusat Kejuruteraan (Makmal & Bilik Kuliah)



Kompleks Pusat Kejuruteraan & Dewan Kuliah



Clean Room



Kilang Mengajar



Dewan Kapitlol



Unit Kebudayaan & Rekreasi



Unit Perundangan



Jabatan Canselori, Jabatan Pendaftar & Perpustakaan



Jabatan Keselamatan



Taman Pengkalan Jaya Bilik Kuliah Program Persediaan (IEC)



Jabatan Bendahari



Unit Penyelidikan & Pembangunan (R&D), Kluster Penyelidikan



Unit Pengurusan Harta (Jabatan Pembangunan)



Jabatan Pembangunan, Jabatan Pendaftar (Pengurusan Akademik), Unit Agama Islam, Unit Audit Dalam, Bilik Tutorial & Bilik Kuliah



SIMPANG EMPAT

Kwarters Institusi Pendidikan Simpang Empat (Kolej Kediaman Tun Abdullah Ahmad Badawi (KKI))



Blok A (PP Siswazah, Unit Kajian Strategik, Bilik Mesyuarat, INEE)



Blok A (Bilik Seminar, Bilik Pensyarah, Rumah Antarabangsa, Bilik Pakaian Konvokesyen)



Blok B (Unit Penerbitan & Kluster Penyelidikan)



Blok C Unit Multimedia



Blok D (Bilik Mesyuarat, Seminar / Gunasama, PUSPEK, Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan)